

MAKLUMAT PENTING

1. Penting untuk anda ketahui hanya doktor yang boleh memulakan rawatan antibiotik.
2. Jangan berkongsi antibiotik dengan orang lain. Sesuatu antibiotik hanya berkesan untuk jenis bakteria tertentu sahaja.
3. Simpan antibiotik anda ditempat yang sejuk, kering, selamat, dan tidak mudah dicapai oleh kanak-kanak.
4. Beritahu Doktor atau Pegawai Farmasi dengan segera sekiranya anda:
 - mengalami alahan terhadap antibiotik
 - sedang mengambil lain-lain antibiotik
 - mengalami masalah kesihatan yang lain
 - mengandung atau menyusukan bayi



Untuk maklumat lanjut,
sila hubungi Doktor atau
Ahli Farmasi di tempat anda.

HUBUNGI DOKTOR / PEGAWAI FARMASI JIKA ANDA MENGALAMI GEJALA-GEJALA BERIKUT SELEPAS MENGAMBIL ANTIBIOTIK

1. Tanda-tanda alahan seperti:
 - ruam
 - sesak nafas
 - tanda-tanda merah & gatal pada kulit
 - bengkak pada bibir, lidah dan muka
2. Kekejangan perut
3. Cirit-birit
4. Tanda putih pada lidah
5. Loya
6. Muntah

PERHATIAN :

Segala maklumat di dalam risalah ini adalah untuk tujuan meningkatkan kefahaman pesakit. Sila dapatkan nasihat yang sesuai daripada doktor atau ahli farmasi berkenaan masalah kesihatan dan juga ubat-ubatan anda.

Disediakan oleh :

Jawatankuasa Kerja Pendidikan Farmasi
Bahagian Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

www.pharmacy.gov.my

Tel : 03 - 7841 3200 / 3320

Faks : 03 - 7968 2222

PERLUKAN LEBIH MAKLUMAT MENGENAI UBAT ANDA?

Layari : www.knowyourmedicine.gov.my
atau hubungi : 03 - 2615 5136

ANTIBIOTIK

Bahagian Perkhidmatan Farmasi,
Kementerian Kesihatan Malaysia


APA ITU ANTIBIOTIK?

Antibiotik adalah bahan yang dihasilkan daripada bakteria, kulat dan lain-lain dalam famili yang sama.

Antibiotik bertindak membunuh atau merencat pertumbuhan mikro-organisma lain.

Kumpulan Antibiotik:

- **Penicillins :**
Amoxicillin, Cloxacillin
- **Cephalosporins :**
Cephalexin, Cefaclor
- **Macrolides :**
Erythromycin, Azithromycin
- **Quinolones :**
Ciprofloxacin, Ofloxacin
- **Tetracyclines :**
Doxycycline, Tetracycline
- **Aminoglycosides :**
Gentamicin, Neomycin
- **Sulphonamides / Trimetnoprim :**
Co-trimoxazole
- **Carbapenems :**
Imipenem, Meropenem



BILA ANTIBIOTIK DIPERLUKAN?

Antibiotik diperlukan untuk membasmi jangkitan kuman dalam keadaan seperti :

- Demam
- Batuk
- Jangkitan kulit : bisul, jerawat dll
- Jangkitan saluran kencing
- Pencegahan jangkitan sebelum dan selepas pembedahan
- Jangkitan darah

CARA PENGAMBILAN ANTIBIOTIK YANG BETUL

1. Baca, faham dan ikut setiap arahan ubat:
 - a. Berapa biji perlu diambil
 - b. Kekerapan pengambilan ubat
2. Cara pengambilan antibiotik adalah bergantung kepada jenis antibiotik yang diambil
 - a. Ambil sebelum makan (1 jam sebelum makan) atau
 - b. Ambil selepas makan (5 - 10 minit selepas makan)
3. Keadaan simpanan adalah bergantung kepada jenis antibiotik yang diambil
 - a. Peti sejuk atau
 - b. Suhu bilik

4. Jangan berhenti mengambil ubat dan habiskan semua antibiotik anda walaupun anda berasa telah sihat.
5. Ambil ubat anda secepat mungkin jika terlupa.
6. Jangan gandakan dos jika sudah tiba waktu untuk dos seterusnya.

MENGAPA PENTING UNTUK MENGHABISKAN ANTIBIOTIK?

1. Kepekatan antibiotik di dalam darah anda mungkin tidak memadai untuk membunuh kuman dalam badan.
2. Proses penyembuhan penyakit adalah lambat kerana tidak semua kuman dalam badan telah dihapuskan.
3. Ini mungkin akan menyebabkan penyakit berulang kembali.
4. Bakteria akan menjadi resistan dan antibiotik tidak lagi berkesan untuk membunuh bakteria.

